



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

### **SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERHIDMATAN  
CEMERLANG TAHUN 2022  
PERINGKAT ZON BORNEO  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN  
INTEGRASI NASIONAL  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**30 JULAI 2023 | 8.00 MALAM  
HILTON KUCHING, SARAWAK**

## **SALUTASI**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan  
Salam Malaysia MADANI

YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara

YBhg. Dato' Haji Che Roslan Bin Che Daud  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

Pengarah-Pengarah Perpaduan  
Negeri Sarawak, Sabah Dan W.Persekutuan Labuan

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian

Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Serta seluruh warga kerja Jabatan Perpaduan Negara  
Dan Integrasi Nasional yang saya kasihi.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua kerana kita dapat bersama-sama berhimpun malam ini untuk meraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan

Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) peringkat Borneo bagi tahun 2022.

2. Penganjuran Majlis APC pada malam ini cukup bermakna bagi menghargai dan meraikan pegawai-pegawai JPNIN peringkat Borneo yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2022.
3. Saya amat gembira untuk berada bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis ini kerana ini merupakan majlis APC yang kedua di peringkat Borneo selepas majlis APC peringkat Semenanjung pada 3 Mei 2023 yang lalu.
4. **Syabas dan tahniah diucapkan kepada 71 orang pegawai** yang telah dipilih sebagai penerima APC bagi tahun 2022. Sudah tentunya pemilihan ini dibuat berdasarkan prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sepanjang tahun 2022 dalam melaksanakan tugas rasmi serta penglibatan aktif dalam kegiatan sukan,

kemasyarakatan, persatuan atau lain-lain sumbang bakti yang bermanfaat kepada organisasi.

## **PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN**

5. Saya amat menghargai komitmen dan dedikasi warga JPNIN dalam menjayakan matlamat dan aspirasi kementerian sejak penubuhannya pada tahun 2020. Penganugerahan APC ini bukan sahaja merupakan manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang terpilih malah perlu dilihat sebagai penyuntik semangat dan pencetus azam untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang khususnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Ini turut boleh menjadi dorongan kepada seluruh warga JPNIN untuk membudayakan kecemerlangan dalam organisasi.
6. Penganugerahan seperti ini tidak hanya membuktikan dedikasi dan komitmen pegawai dalam melaksanakan tugas seharian bahkan memperlihatkan kesungguhan pegawai untuk

sentiasa berada pada tahap prestasi yang optimum dan melaksanakan tugas melangkaui jangkaan.

7. Harapan saya agar pengiktirafan ini dapat melonjakkan motivasi kepada tuan-tuan dan puan-puan, untuk **menjadi *role model* dan mentor terbaik kepada rakan sekerja yang lain** dan menjadi pembakar semangat agar kita sama-sama berusaha mencapai kejayaan dan kecemerlangan di masa seterusnya.

## **MENGHAYATI KONSEP “MALAYSIA MADANI MELALUI PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN”**

Para hadirin yang saya kasihi,

8. MADANI merupakan iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai aspirasi yang menggariskan strategi bagi mentadbir negara dengan lebih berkesan.
9. Matlamat utama MADANI adalah mewujudkan sebuah masyarakat maju, terampil dan terangkum dan akhirnya membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta,

saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain.

10. Masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian, dan material dengan menyemai nilai-nilai murni serta berdasarkan aturan hidup, dapat menghindari konflik dan permusuhan yang menyebabkan perpecahan.
11. Dalam hubungan ini, Kementerian telah menghasilkan **Kerangka Membangun Malaysia MADANI** melalui konsep **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara.
12. Lanjutan itu, pada 1 Mac 2023 yang lalu saya telah memperkenalkan **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** sebagai program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

13. Kerangka yang dihasilkan tersebut akan menjadi rujukan kepada semua warga Kementerian dan Jabatan untuk merealisasikan hasrat Kerajaan membangun Malaysia MADANI melalui program-program yang disusun secara komprehensif.
14. Saya ingin menyarankan semua warga kementerian supaya menghayati kerangka konsep membangun Malaysia MADANI melalui Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan memahami apakah tujuan pelaksanaan setiap inisiatif di bawah program *flagship*.
15. Kementerian juga telah menggerakkan agensi-agensi di bawahnya untuk menerajui pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dirancang. Setiap warga kerja di agensi-agensi perlu berkerjasama untuk menjayakan program-program yang dilaksanakan.
16. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada seluruh warga KPN yang telah menjayakan program

Sambutan Minggu Perpaduan peringkat kebangsaan pada 21 Mei 2023 yang lalu di Kuching, Sarawak.

17. Pelaksanaan Program Sambutan Minggu Perpaduan telah menjadi tanda aras (*benchmark*) kepada pembangunan kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan program *flagship*. Justeru, saya mengajak semua warga kerja di JPNIN terus mengambil bahagian yang serius dan bersungguh-sungguh dalam program-program yang akan datang seperti Debat Perpaduan, Konvensyen *Friends of Unity*, Jom Gerak Muhibbah, Sukan Uniti dan sebagainya.

## **AMALAN BUDAYA KERJA CEMERLANG**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Dalam usaha menjayakan inisiatif dan program yang telah dirancang, kementerian perlu mempunyai warga kerja yang sentiasa mengamalkan budaya kerja cemerlang dengan memiliki ciri-ciri minda kelas



pertama khususnya dalam aspek cara berfikir, menghayati dan bertindak.

19. Pada masa kini, ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan awam semakin meningkat. Situasi ini tentunya memerlukan kita berfikir di luar kebiasaan dengan menyuntik pembaharuan yang berterusan agar kita kekal responsif, relevan dan berkesan dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat.
20. Justeru, saya menyeru kepada seluruh warga kementerian untuk memberi komitmen bagi menggerakkan agenda kerja yang telah disusun ini. Dalam hal ini, saya ingin menekankan bahawa hanya dengan amalan budaya kerja cemerlang akan dapat membantu kita merealisasikan inisiatif dan program yang telah dirancang.
21. Selain itu juga, penekanan kepada aspek integriti perlu diberi fokus utama. Integriti bukan hanya berkaitan isu rasuah sahaja, malah integriti sebenarnya adalah kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara

konsisten dengan komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut.

22. Sebagai penjawat awam, nilai-nilai murni seperti rajin, amanah, disiplin dan bertanggungjawab perlu menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Apabila kita bekerja dengan rajin, ikhlas dan amanah, pastinya segala usaha kita ini akan membuahkan hasil dan impaknya akan dirasakan oleh semua.
23. Keberhasilan perkhidmatan awam berteraskan akauntabiliti dan tadbir urus tinggi hanya dapat dicapai dengan warga kerja yang mempunyai nilai murni dan keperibadian yang terpuji.

## **PENUTUP**

24. Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima APC bagi tahun 2022, yang akan menerima sijil perkhidmatan cemerlang dan wang tunai sebanyak seribu ringgit.

25. Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini akan dapat mengekalkan momentum kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini dan terus mendokong usaha kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.
26. Semoga kita semua terus diberi kekuatan dan kesihatan yang baik untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang.

Sekian, terima kasih.

**Kementerian Perpaduan Negara  
(Seksyen Sumber Manusia)  
30 Julai 2023**